

## Dato' Mohammad bin Che Wook: Sumbangannya dalam Pendidikan dan Pentadbiran Islam di Kelantan

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Hamidah Jalani

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

**Abstrak:** Nama besar ini merupakan seorang tokoh ulama Kelantan pertama dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Kelantan di kalangan ahli akademik. Makalah ini membicarakan mengenai biografi kehidupan beliau dengan menyentuh latar belakang kehidupan, pendidikan, dan juga sejarah pengajian beliau yang cemerlang semasa menuntut di Kolej Islam Malaya sehingalah beliau melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar. Makalah ini juga akan membincangkan sumbangaan beliau dalam perkembangan Islam di Kelantan yang merangkumi keterlibatan beliau dalam pendidikan dan pentadbiran Islam. Tokoh ini amat berjasa sekali kepada negeri Kelantan khususnya dalam bidang pendidikan tinggi Islam yang diabadikan semasa di YPTIK dan juga pentadbiran dan undang-undang Islam di Kelantan.

### PENGENALAN

Dato' Mohammad bin Che Wook, nama yang tidak asing di kalangan masyarakat Kelantan sebagai seorang tokoh ulama dan ahli akademik yang berjaya. Nama beliau ialah Mohammad bin Che Wook bin Haji Abdullah bin Haji Daud bin Lebai Mamat bin Imam Dahdi. Dilahirkan pada tahun 1936 di Kg. Kubang Bunut, Kubang Gadung, Pasir Mas, Kelantan (Alias Haji Mohd Noor, 2000:87). Ayahnya seorang bilal kampung yang kuat beragama, beliau dididik sejak kecil lagi dengan ajaran agama dan menjalani kehidupan yang amat sederhana. Dalam kesederhanaan itu, bapanya menanam rasa bangga dengan agama serta kecintaan yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan Islam (Aziz Mat Zain, 2003:63).

Ismail Che Daud dan Muhammad Yunan menyatakan bahawa salasilah keluarga Dato' Mohammad berasal daripada Aceh dan terkenal dengan latar belakang keluarga yang kuat beragama. Imam Dahdi, datuknya yang keempat seorang ahli tariqah yang terkenal di Aceh. Manakala Haji Daud, datuknya yang kedua merupakan cucu kepada Imam Dahdi merupakan seorang guru pondok yang paling awal di jajahan Pasir Mas, beliau lebih dikenali dengan gelaran Tok Ayah Kubang Bunut. Manakala Che Wook ialah Imam Mukim Kasar pada ketika itu. Ibunya bernama Che Supiah bin Haji Mat Amin bin Mohammad Salleh berasal daripada keturunan Bugis (Mohd Yunan Mahmood, 2000:74). Beliau adalah anak bongsu daripada lima beradik seibus sebapa; abang sulungnya bernama Haji Abdul Rahman, kakaknya Che Maryam, abangnya yang

kedua bernama Haji Mohd Yusoff, dan kakaknya kedua pula bernama Hajah Aishah. Beliau telah ditinggalkan oleh ibunya buat selamanya ketika masih kecil sekitar umur empat tahun. Setelah itu, bapanya telah berkahwin lagi dan hasil dari perkahwinan kedua bapanya itu beliau mendapat empat orang adik tiri iaitu Abdul Rashid, Zawiyah, Hussin dan Hassan bin Che Wook. Dengan kematian ibunya itu tanggungjawab menjaga beliau telah dipikul oleh abangnya Haji Abdul Rahman bin Che Wook selaku abang sulung (Mohd Yunan Mahmood, 2000:182).

**Pendidikan:** Seperti anak-anak kecil yang lain di zaman itu, pendidikan awalnya adalah pendidikan agama dan mengaji al-Quran. Apatah lagi beliau dari keluarga lebai maka sejak dari awal usianya telah diasuh dan dididik dengan pelajaran agama. Beliau dihantar mempelajari al-Quran dengan Tuan Guru Haji Wan Mahmood bin Wan Abdullah, seorang guru al-Quran yang terkenal di Kg. Kasar, Pasir Mas. Setelah itu beliau belajar di Madrasah Ahmadiah, Pasir Mas pada tahun 1943. Pada tahun 1950, beliau menyambung pelajarannya di Jame' Merbau al-Ismaili, Kota Bharu sehingga tamat darjah sembilan pada tahun 1953, iaitu darjah tertinggi di Jame' Merbau al-Ismaili pada ketika itu (Abdul Razak Mahmood, 1989:5).

Selama menuntut di Kota Bharu, beliau sempat berguru dengan beberapa orang tokoh ulama terkemuka di Kelantan, antaranya Dato' Haji Mohammad Noor Ibrahim dan Dato' Haji Ismail Yusoff, Haji Wan Abdul Rahman bin Wan Daud al-Makki, Haji Nik Abdul Rahman bin Haji Nik

Abdullah Khatib, Haji Shuib bin Haji Daud, Haji Abdul Hamid bin Taib, Haji Wan Mahmood Daud al-Makki, Haji Muhammad Yusoff Ta' dan ramai lagi. Antara kitab terkenal yang beliau pelajari dengan Dato' Haji Mohammad Noor Ibrahim ialah kitab al-Qaulul al-Mufid tulisan Syeikh Muhammad Buhit al-Mut'iie. Kitab ini banyak mempengaruhi pemikiran beliau sehingga menanam minat yang mendalam dalam dirinya terhadap falsafah dan logik Islam (Pengasuh, 1989:5 dan lihat juga Mohd Yunan Mahmood, 2000:184).

Dalam tahun 1954, beliau telah diterima untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah pertama di Kolej Islam Malaya. Beliau merupakan pelajar generasi pertama Kolej Islam Malaya. Semasa di sana, segala pembiayaan pengajian ditanggung oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan kerana beliau merupakan pelajar cemerlang yang pertama diberi biasiswa oleh MAIK untuk melanjut pelajaran di kolej tersebut (Ismail Che Daud, 1994:74). Di akhir pengajiannya sekitar tahun 1959, beliau berjaya memperolehi Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya. Seperkara yang menjadikan nama beliau amat dikenali dengan kecemerlangan akademik yang pernah diraihnya iaitu beliau merupakan satu-satunya mahasiswa Kolej Islam Malaya generasi pertama yang berjaya menyiapkan latihan ilmiah dalam bahasa Arab. Kajian beliau bertajuk "al-Mu'tazilah wa Dauruhum fi Difa' Ani al-Aqidah al-Islamiyah" (Pengasuh, 1989:6).

Setelah tamat pengajian di Kolej Islam Malaya, beliau pulang ke Kelantan dan bertugas sebagai guru sementara di Maahad Muhammadi, Kota Bharu selama 10 bulan. Setelah itu, pada Oktober 1960 beliau sekali lagi ditawarkan biasiswa oleh MAIK untuk menyambung pelajaran ke Universiti al-Azhar di peringkat Sarjana dalam jurusan Kehakiman Islam (Mohd Yunan Mahmood, 2000:186 dan lihat juga Pengasuh, 1989:6).

Setelah tiga tahun menuntut di al-Azhar, akhirnya pada tahun 1963 beliau berjaya memperolehi Ijazah Sarjana daripada Universiti al-Azhar. Kecemerlangan beliau dalam peperiksaan akhir peringkat Sarjana Syariah bahagian kehakiman Islam telah melayakkan beliau mendapat pingat kecemerlangan dan sijil penghargaan dari Presiden Gamal Abdul Naser sendiri dalam satu majlis konvokesyen pada awal tahun 1964. Dato' Haji Mohammad merupakan anak Melayu pertama yang menyambung pelajaran di peringkat Sarjana yang mendapat penghormatan tersebut (Ismail Che Daud, 1994:74 dan lihat juga Utusan Zaman, 1964:10). Untuk melayakkan beliau mendapat Ijazah al-Alimiyyah Maal Ijazah Fil Qada' al-Syarie beliau terpaksa menjalani sesi praktikal di beberapa buah Mahkamah Syarie di Mesir. Dengan berbekalkan pengalaman itu, beliau amat arif tentang sistem dan perjalanan mahkamah Syarie di Mesir (Pengasuh, 1989:6).

Hasrat beliau untuk menyambung pengajian hingga ke peringkat PhD terpaksa ditangguhan walaupun telah mendapat tawaran belajar dari Oxford University kerana penaggung biasiswa beliau iaitu kerajaan Negeri Kelantan telah memanggil beliau pulang berkhidmat. Namun begitu, kerajaan negeri berjanji urusan pelanjutan pengajian beliau diperingkat PhD itu akan dibincangkan kemudian (Pengasuh, 1989:7).

Setelah pulang ke tanah air, beliau bersama dengan Ustaz Abu Bakar Hamzah, Dato' Asri dan Dato' Haji Muhamad bin Nasir sama-sama merancang untuk membangunkan sebuah institusi pengajian tinggi Islam di Kelantan yang dikenali dengan nama Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan.

**Keperibadian:** Dato' Mohamad bin Che Wook merupakan pelajar yang pintar. Dalam setiap peperiksaan yang beliau duduki sama ada di peringkat sekolah, maahad dan universiti beliau sering mendapat gelaran pelajar terbaik. Dengan kepintaran dan ketekunannya dalam mengejar ilmu pengetahuan, beliau dapat menguasai bahasa Arab dengan baik sehingga sukar ditandingi oleh rakan sebaya. Beliau pernah memenangi pertandingan syarahan anjuran MAIK pada tahun 1951 sebagai johan (Mohd Yunan Mahmood, 2000:193). Begitu juga dengan latihan ilmiah yang disiapannya dalam bahasa Arab semasa di Kolej Islam Malaya mendapat perhatian daripada pelbagai pihak termasuk Pegawai Kedutaan Mesir di Kuala Lumpur dan juga Universiti al-Azhar di Kaherah, Mesir.

Dato' Haji Mohammad bin Che Wook dikenali seorang tokoh yang tinggi keilmuannya. Selain dapat menguasai bahasa Arab dengan baik beliau juga mahir dalam ilmu bantu seperti ilmu Mantik, Balaghah Arab dan Usul Fiqh. Kepakarannya dalam ilmu-ilmu itu amat terserlah sekali dalam kuliah-kuliah yang disampaikan sama ada di dewan kuliah atau masjid selain dari sesi mesyuarat yang dipengerusikan oleh beliau. Idea-idea beliau cukup bernes dan mampu memukau pendengar apabila berhujah. Kepakarannya yang dimiliki itu membolehkan beliau menjadi seorang pengurus mesyuarat yang baik dan pemimpin yang disegani dalam bidang keilmuan (Temuramah dengan Prof. Madya Abdul Kadir Haji Mohammad, 2002).

Ketika bergaul dengan mahasiswa di YPTIK, beliau dikenali dan disukai oleh mereka dengan seorang yang beliau bersifat lemah lembut tetapi tegas. Ketika memberi kuliah, penyampaiannya amat menarik dengan diselangi humor yang munasabah. Beliau pandai memilih bahasa yang mudah difahami serta menarik untuk didengar. Penyampaiannya menarik kerana sebutannya jelas dan tepat, kesemua itu menyebabkan mahasiswa di YPTIK mahupun para pendengar mudah memahami pengajaran yang disampaikan serta dapat mengingatinya dengan baik.

Kebolehannya itu menyebabkan beliau berjaya memikat hati para mahasiswa dan pendengar umum (Temuramah dengan UStaz Muhamad Haji Abdul Rahman, 2002).

Beliau seorang yang berwatak lembah lembut, peramah dan periang. Sifat-sifat itu menyebabkan beliau senang didampingi oleh segenap lapisan masyarakat. Beliau juga mudah dibawa berunding tanpa mengira tempat dan ketika. Walaupun beliau merupakan seorang ahli akademik yang sibuk namun beliau cuba memenuhi setiap undangan untuk mengajar sama ada di masjid atau di rumah orang perseorangan. Mungkin kerana kesibukan dengan aktiviti kuliah, ceramah dan aktiviti kemasyarakatan, beliau kurang menghasilkan tulisan berbentuk artikel, laporan penyelidikan dan apa-apa yang lazim dilakukan oleh seorang ahli akademik sepertinya (Aziz Mat Zin, 2004:67).

**Kerjaya:** Setelah kembali ke Kelantan beliau terus terlibat secara langsung dengan usaha-usaha penubuhan YPTIK dan setelah itu beliau ditugaskan sebagai salah seorang pensyarah bersama-sama dengan Wan Hussin Azmi Wan Abdul Kadir dan Ustaz Ahmad Haji Daud. Keterlibatan beliau dengan YPTIK bermula dari tahun 1965 hingga tahun 1988. Dua tahun kemudian beliau telah disahkan dalam jawatan oleh pihak Majlis Yayasan iaitu pada 1.9.1967 (Fail Peribadi di YPTI, Kelantan). Untuk mengembangkan kurikulum pengajian di Maahad Muhammadi, beliau telah dipinjamkan ke Maahad Muhammadi selama tiga tahun bermula dari 1 Disember 1970 hingga 30 November 1973 sebagai pengetua. Tujuan perpindahan beliau adalah untuk memperkenalkan sistem dwi peperiksaan di Maahad di mana pelajar Maahad akan menduduki dua peperiksaan serentak sepanjang pengajian mereka di Maahad iaitu peperiksaan SRP, SPM dan STP yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di samping SMU dan STU yang dikendalikan oleh Yayasan Islam Kelantan (Mohd Yunan Mahmood, 2000:190).

Selepas tiga tahun tempoh perkhidmatan beliau di Maahad Muhammadi selesai, beliau kembali ke YPTIK dan diberi amanah memegang jawatan Pemangku Dekan Fakulti Usuluddin Wal-Ijtima' (Fail Peribadi di YPTI, Kelantan). Pada 21 Februari 1978 beliau telah dilantik ke jawatan Dekan Fakulti Usuluddin Wal-Ijtima' setelah lima tahun menyandang jawatan pemangku Dekan. Namun beliau tidak lama menyandang jawatan tersebut oleh kerana pada 16 Julai 1978 beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Timbalan Pengetua YPTIK (Fail Peribadi di YPTI, Kelantan).

Pada 1 Januari 1980, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai pensyarah kanan. Berikutnya pada tahun yang sama juga beliau dilantik sebagai Pengetua YPTIK bagi menggantikan Ustaz Ali Haji Harun yang telah meninggal dunia (Fail Peribadi di YPTI, Kelantan). Apabila Yayasan Pengajian Tinggi

Islam Kelantan bercantum dengan Universiti Malaya pada tahun 1981 maka wujudlah Akademi Islam Universiti Malaya dan beliau telah dilantik sebagai Penyelaras Akademi Islam bagi kampus cawangan Nilam Puri dari tahun 1981 hingga 1982 (Pengasuh, 1989:7).

Apabila bermulanya sesi pengajian 1985/86 beliau dipindahkan ke Akademi Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur dan serentak dengan itu juga sekali lagi dilantik sebagai Dekan Fakulti Usuluddin. Kemudiannya apabila Ustaz Hashim Haji Yahya pergi mengerjakan ibadat umrah pada 21 Mac 1985 hingga 2 April 1985 beliau diberi kepercayaan memangku jawatan Ketua Akademi Islam. Pada sesi pengajian 1987/88, Dato' Haji Mohammad bin Che Wook diberi kepercayaan oleh pihak pengurusan Universiti Malaya menyadang jawatan sebagai Dekan Fakulti Syariah (Fail Peribadi di YPTI, Kelantan). Jawatan dekan itu disandang sehingga beliau dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Kelantan yang ke-10 pada 1hb. Disember 1988 menggantikan Dato' Haji Ismail Yusoff yang meninggal dunia pada 9 Julai 1988.

Jawatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan hanya sempat disandang oleh beliau selama setahun setengah sahaja. Pada 13hb. Jun 1990 beliau telah diserang sakit jantung dan asma yang serius sehingga dimasukkan ke Wad Unit Kawalam Rapi (ICU) Hospital Universiti Sains Malaysia, di Kubang Kerian (Ismail Che Daud, 1997:16). Selepas beberapa hari berada di hospital keadaannya semakin tenat dan akhirnya pada jam 2.37 pagi Ahad 17 Jun 1990 beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika usia 54 tahun. Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan Che Siti, Banggol, Kota Bharu.

**Sumbangan dalam Bidang Pendidikan:** Dato' Haji Mohammad bin Che Wook merupakan seorang tokoh yang banyak berjasa terhadap perkembangan Islam bukan sahaja di negeri Kelantan malah di Malaysia. Segala sumbangan beliau itu telah mendapat perhatian dan penghargaan dari Yayasan Islam Kelantan dengan menganugerahkan beliau Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan yang ke sebelas pada tahun 1990 (Mohd Yunan Mahmood, 2000:195).

Jasa beliau yang begitu menyerlah ialah penubuhan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri, sekarang ini dikenali dengan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya di mana beliau merupakan salah seorang daripada pengasasnya dan pensyarah perintis. Pada tahun 1971 hingga 1973 beliau dipinjamkan ke Maahad Muhammadi sebagai Mudir. Dan dalam tempoh itu beliau secara sukarela mengajar bahasa Arab kepada orang dewasa di Sekolah Naim Lil Banat, Kota Bharu. Berikut adalah antara sumbangan Dato' Muhammad bin Che Wook dalam perkembangan pendidikan Islam di Kelantan.

**(1) Penubuhan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan:**

**Kelantan:** Setelah tamat pengajiannya pada peringkat sarjana di Universiti al-Azhar awal tahun 1965 kembali ke tanah air dengan azam dan cita-cita yang tinggi. Sebagai seorang anak muda yang pernah dididik oleh tokoh-tokoh reformis Mesir, beliau mempunyai azam dan cita-cita untuk melihat wujudnya sebuah pusat pengajian tinggi Islam di bumi kelahirannya.

Beliau sanggup melepaskan tawaran sebagai sebagai pensyarah di kolej Islam Malaya sebaik sahaja pulang dari Mesir dengan alasan semata-mata ingin merealisasikan hasrat dan cita-citanya. Beliau telah bergabung tenaga bersama-sama dengan beberapa orang pemimpin termasuk Dato' Haji Mohd Asri, Dato' Mohammad bin Nasir dan Ustaz Abu Bakar Hamzah bagi menaja penubuhan pusat pengajian tinggi Islam (Pengasuh, 1989:7).

Gagasan untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam ini bermula sejak 1963 lagi. Apabila PAS mencapai kemenangan dalam pilihanraya 1964 idea untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam sebagai satu agenda khusus. Dalam persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang diadakan pada 27 Jun 1965, sebuah jawatan telah dibentuk. Jawatankuasa ini dinamakan Jemaah Pengelola Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan, bertujuan menyusun perlembagaan, peraturan, sukatan pelajaran, tangga gaji dan segala rancangan berhubung dengan pentadbiran serta kemajuan pusat pengajian tersebut (Wan Azizah Wan Ismail, 1975:58).

Anggota-anggota jemaah ini terdiri daripada 12 orang iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sebagai pengurus, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selaku Naib Pengurus dan Yang Berhormat Ustaz Abu Bakar Hamzah sebagai Setiausaha. Manakala ahli-ahlinya ialah Yang Berhormat Encik Abdullah bin Ahmad, Yang Berbahagia Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Nasir, Yang Berbahagia Dato' Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ustaz Haji Hassan bin Idris, Ustaz Muhammad bin Che Wook, Ustaz Drs. Abdul Ghani bin Idris, Ustaz Hassan bin Mohd Othman dan Yang Berusaha Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Kelantan, Encik Murad bin Mohd Noor (Wan Azizah Wan Ismail, 1975:58).

Jawatan kuasa ini telah bermesyuarat beberapa kali dan akhirnya bersetuju untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam maka pada 18 September 1965 pusat ini telah didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Tahun 1968 Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan telah berkenan merestui penubuhan pusat pengajian ini. Oleh itu pada bulan September 1968 satu enakmen bagi penubuhan pusat ini telah diluluskan (Enakment No.9/1968 Kerajaan Kelantan). Pusat ini telah ditukar namanya kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan dan diberi

status badan berkanun (Buku Cenderamata sambutan 10 tahun YPTIK, 1977:33).

Pusat pengajian yang sudah menjadi kenyataan ini memulakan pengajiannya pada 1 Oktober 1965 dengan sebuah fakulti sahaja iaitu Kuliah Syariah Wal-Qanun. Bilangan pelajarnya berjumlah 43 orang. Manakala tenaga pengajarnya seramai 3 orang yang terdiri daripada Ustaz Wan Hussin Azmi Abdul Kadir, Ustaz Mohammad bin Che Wook dan Ustaz Ahmad bin Haji Daud (Wan Hashim Wan Teh, 1993:86).

**(2) Mudir Maahad Muhammadi ke-IV:**

Setelah lima tahun berkhidmat sebagai pensyarah di YPTIK, mulai 1 Disember 1970 hingga 30 November 1973 beliau dipinjamkan ke Maahad Muhammadi untuk dilantik sebagai Mudir. Sebelum itu semasa menunggu persiapan berangkat ke Mesir beliau pernah dilantik menjadi guru sementara di Maahad ini mulai bulan Januari hingga Oktober 1960 (Fail Peribadi YPTIK, Kelantan).

Maahad Muhammadi merupakan institusi pendidikan agama yang tertua dan terulung dinegeri ini yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Ia telah mengeluarkan ribuan ulama, cendikiawan, usahawan dan ahli-ahli politik. Maahad ini ditubuhkan oleh MAIK pada hari Khamis 1 April 1937 dengan nama Madrasah Muhammadiyah Arabiah. Sekolah ini awal penubuhannya terletak dibahagian belakang bangunan pejabat lama MAIK di jalan Sultan, Kota Bharu, dengan jumlah pelajar seramai 75 orang dan tenaga pengajarnya terdiri daripada Yang Mulia Sayyid Abu Bakar bin Abdullah al-Attas (sebagai Mudir pertama), Ustaz Haji Wan Mahmud Daud al-Makki dan Ustaz Haji Wan Yusuf Wan Hassan (Mohd Yunan Mahmood, 1997:4).

Oleh sebab bilangan pelajarnya semakin meningkat dari semasa ke semasa, sedangkan bangunan sedia ada tidak mampu untuk menampung pertambahan jumlah pelajar, maka 1 Julai 1942 Madrasah ini dipindahkan ke bangunan asrama Jame' Merbau al-Ismaili. Mulai hari ini dikenali dengan nama Madrasah Muhammadiyah Arabiah Jame' Merbau al-Ismaili. Sistem pengajian pada waktu itu menitikberatkan matapelajaran bahasa Arab dan agama tanpa memberi penekanan kepada matapelajaran akademik kecuali sedikit sahaja. Pengajiannya menggunakan sistem kelas yang bermula dari kelas *nought* (peralihan) hingga darjah sembilan. Ia dibagi kepada dua peringkat. Darjah 1 hingga darjah 5 peringkat Ibtidai manakala darjah 6 hingga 9 peringkat Thanawi (Mohd Yunan Mahmood, 1997:26 & 27).

Pada tahun 1952 Maahad Muhammadi mula menerima pelajar-pelajar lepasan sekolah-sekolah menengah agama arab Majlis Agama Islam Kelantan yang lain secara langsung tanpa melalui peperiksaan, iaitu pelajar-pelajar daripada SMU (A) Amir Indera Putera, Beris Kubur Besar dan SMU (A) Arabiah

Pasir Mas ke darjah enam setelah mereka tamat darjah lima di sekolah masing-masing. Oleh itu jumlah pelajar di Maahad Muhammadi semakin meningkat dari tahun ke tahun. Tahun 1953 jumlah pelajarnya meningkat kepada 230 orang.

Melihat kepada perkembangan ini MAIK mula merancang bagi pembinaan sebuah bangunan baru. Bangunan baru yang menelan belanja RM250.000 ini siap dibina pada tahun 1955. Perpindahan ke bangunan baru ini bermula pada 3 Januari 1956, sekali lagi sekolah ini bertukar nama, kali ini di masyhurkan dengan nama Maahad Muhammadi, Kota Bharu. Pada tahun 1955, Ustaz Hassan Idris telah mengemukakan satu kertas kerja bertujuan untuk mengubahsuai dan memperbaiki sukanan pelajaran yang sedia ada kepada satu sukanan yang lebih sesuai. Sukanan baru ini diluluskan oleh MAIK dan dilaksanakan pada awal tahun 1956. Ia terbahagi kepada tiga bahagian:-

- Bahagian Ibtidai (Darjah I-III)
- Bahagian I'dadi (Darjah IV-VI)
- Bahagian Thanawi (Darjah VII-IX) (Mohd Yunan Mahmood, 1997:45).

Pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan akhir tahun Bahagian Thanawi dianugerahkan Sijil Maahad Muhammadi. Berikutnya perubahan sukanan pelajaran ini, ramai pelajar sama ada dari dalam atau luar negeri telah memberi tumpuan kepada Maahad Muhammadi, terutama sekali apabila Syahadah Maahad Muhammadi mendapat pengiktirafan daripada Universiti al-Azhar pada tahun 1960. Tahun 1960-an ini merupakan tahun kemuncak bagi kemajuan Maahad Muhammadi. Pelajarnya meningkat kepada 900 orang. Manakala tenaga pengajarnya terdiri dari kalangan ulama-ulama terkenal di Kelantan.

Awal tahun 1970-an merupakan zaman malap bagi sekolah-sekolah agama seluruh Kelantan kerana minat orang ramai untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama mulai berkurangan. Sistem pengajian yang sedia ada tidak lagi dapat menghadapi cabaran zaman yang berubah dengan begitu cepat sehingga ada sekolah-sekolah agama bantuan terpaksa ditutup kerana ketidaaan pelajar. Minat orang ramai mulai tertumpu kepada Sekolah Menengah Kebangsaan yang telah tumbuh di segenap pelusuk negeri yang mana pentadbiran dan kelengkapannya adalah lebih baik berbanding dengan sekolah-sekolah agama, lebih-lebih lagi nilai ekonomi dan masa depan sekolah menengah kebangsaan lebih terjamin. Kesan kemerosotan ini juga dirasai oleh Maahad Muhammadi, jumlah pelajarnya berkurangan sehingga ke paras yang membimbangkan (Mohd Yunan Mahmood, 1997:62).

Keadaan ini menjadi semakin runcing apabila mulai bulan Ogos 1971, guru-guru lepasan timur tengah yang berada di Maahad mulai berhijrah

secara besar-besaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan di seluruh Malaysia, di antara mereka yang tinggal ialah Ustaz Haji Wan Omar bin Haji Wan Ismail. Maahad menjadi lumpuh dan ketandusan tenaga pengajar yang berijazah. Ini satu lagi faktor yang mendorong perpindahan pelajar daripada Maahad ke sekolah kebangsaan dan swasta (Mohd Yunan Mahmood, 1997:65). Dalam suasana dan keadaan yang suram ini, pihak MAIK membuat permohonan dengan YPTIK untuk meminjam Dato' Mohammad bin Che Wook ke Maahad Muhammadi bagi dilantik sebagai Mudir yang ke-6.

Semasa Dato' Mohammad bin Che Wook bertugas sebagai Mudir. Semua sekolah-sekolah agama diwajibkan menggunakan sistem persekolahan baru mulai 1 Januari 1971. Manakala sistem lama yang berdasarkan kelas dari darjah satu hingga darjah sembilan berakhir. Di bawah sistem baru ini Maahad Muhammadi memulakan pengajiannya dengan kelas peralihan kemudian diikuti dengan tingkatan satu hingga tingkatan enam. Dua jenis sijil dikeluarkan di bawah sistem baru ini, iaitu Sijil Menengah Agama (SMU) dan Sijil Tinggi Agama (STU). SMU diambil pada waktu pelajar ditingkatkan empat sementara STU diambil semasa pelajar berada ditingkatan enam bawah. Di samping dua sijil wajib ini, para pelajar juga berpeluang mengambil peperiksaan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membolehkan mereka mendapat sijil-sijil seperti SRP, SPM dan STPM (Temuramah dengan Ustaz Muhammad Yunan Bin Mahmood, 2002).

Sistem baru ini merangkumi dua aliran, agama dan akademik. Di bawah sistem ini pelajar yang tekun dan berkebolehan berpeluang mendapat lima sijil. Tidak ada sistem lain di Malaysia yang menyediakan para pelajarnya dengan peluang keemasan seperti ini. Apabila sistem ini dilaksanakan, guru-guru lepasan universiti-universiti tempatan dalam bahagian akademik daripada berbagai-bagi jurusan mulai memenuhi ruang-ruang kosong di Maahad ini. Kepada mereka inilah diamanahkan mengajar matapelajaran-matapelajaran SPM dan STPM. Dalam usaha meningkatkan lagi prestasi dan reputasi Maahad ini, berbagai-bagi usaha dilakukan oleh pentadbir Maahad Muhammadi ini, di antaranya menjadikan Maahad pusat peperiksaan, misalnya pusat peperiksaan SPM pada tahun 1970 dan STPM pada tahun 1974.

Ketika Maahad berada di bawah pentadbiran Dato' Mohammad Che Wook juga tidak ketinggalan memberi perhatian dalam kegiatan Ko-Kurikulum di semua lapangan seperti sukan, persatuan atau kelab, pasukan beruniform, kegiatan Ilmiah dan lain-lain. Maahad berjaya mengharumkan namanya dengan menempa beberapa kejayaan cemerlang dalam pertandingan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Kelantan (MSSK) tahun 1970 dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan pada tahun 1973. Di samping itu Maahad Muhammadi juga diberi

peluang menjadi tuan rumah pada Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama (Atas) Pantai Timur tahun 1973 (Temuramah dengan Ustaz Muhammad Yunan Bin Mahmood, 2002).

Persatuan-persatuan juga diwujudkan dalam usaha membantu pelajar-pelajar meningkatkan pengetahuan mereka dalam matapelajaran tertentu seperti Persatuan Sains dalam tahun 1972, Persatuan Sejarah, Persatuan Geografi, Persatuan Matematik dan Persatuan bahasa Arab dalam tahun 1974. Kesimpulannya prestasi Maahad Muhammadi dibawah Pentadbiran Dato' Mohammad Che Wook meningkat maju dari tahun ke tahun. Ini terbukti dengan jumlah kemasukan pelajar. Tahun 1970 pelajar yang memasuki Maahad ini berjumlah 148 orang sahaja jumlah ini meningkat dengan mendadak sekali pada tahun 1971 iaitu sebanyak 404 orang, agak menurun sedikit pada tahun 1972 iaitu sebanyak 302 orang dan 301 orang pada tahun 1973 (Muhammad Yunan bin Mahmood, 1997:364).

Setelah melepaskan jawatan Mudir di Maahad pada 30 November 1973 dan kembali semula kepangkuan YPTIK. Khidmat dan sumbangan beliau masih diperlukan dalam usaha memaju dan mempertingkat martabat Maahad oleh itu beliau dilantik sebagai pengurus jawatankuasa pengelola kemajuan Maahad Muhammadi lelaki mulai tahun 1974 hingga 20 November 1981 (Mohd Yunan bin Mahmood, 1997:83).

**(3) Mengajar Bahasa Arab:** Kesibukan dengan tugas-tugas sebagai pensyarah dan pentadbiran tidak menghalang beliau untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Beliau meluangkan masa mengajar bahasa Arab kepada orang-orang dewasa. Kelas ini diadakan di sekolah Naim Lilbanat, Kota Bharu. Beliau mengajar bersama-sama dengan Ustaz Abdul Halim Abdul Kadir dan Yusof Zaki Yaakub. Kelas bahasa Arab untuk orang dewasa ini dibuka sejak 1957 dan berakhir pada 12 Oktober 1976 (Ismail Che Daud, 1994:74). Sebagai mengenang jasa dan sumbangan besar beliau kepada perkembangan pendidikan Islam di Kelantan Dato' Haji Mohammad bin Che Wook diisytiharkan sebagai Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan pada 18 Ogos 1990 (Ismail Che Daud, 1994:74 dan lihat juga Mohd Yunan Mahmood, 2000:195).

**Sumbangan dalam Bidang Pentadbiran Islam:** Sejak dari peringkat awal lagi Dato' Haji Mohammad bin Che Wook telah menampakkan ketokohnya dari segi pentadbiran. Rentetan sumbangan beliau dalam bidang pentadbiran bermula apabila beliau bersama-sama beberapa orang tokoh pimpinan PAS merancang untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam. Usaha beliau dan pimpinan PAS ini telah menjadi kenyataan apabila tertubuhnya YPTIK pada 1 Oktober 1965 dan kemudiannya beliau dilantik sebagai pensyarah pertama (Pengasuh, 1989: 7).

Oleh sebab ketokohan dan keilmuan yang dimilikinya beliau telah dipinjamkan oleh pihak MAIK untuk dilantik sebagai Mudir di Maahad Muhammadi Kota Bharu mulai 1 Disember 1970 hingga 1 November 1973. Perlantikan ini penting untuk menyelamatkan Maahad Muhammadi yang berada dalam kemalapan pada ketika itu. Selepas berjaya membawa keluar Maahad daripada zaman kemalapannya beliau menyambung semula khidmatnya dengan YPTIK (Temuramah dengan Ustaz Muhammad Yunan bin Mahmood, 2002).

Selepas dua tahun beliau mayambung khidmatnya dengan YPTIK, satu fakulti baru ditubuhkan iaitu Fakulti Usuluddin Wa al-Ijtima'. Urusan pentadbiran fakulti ini diserahkan kepada beliau dengan melantiknya sebagai Pemangku Dekan pada 1 Januari 1975. Majlis Yayasan yang bermesyuarat pada 21 Februari 1978 telah memansuhkan jawatan Pemangku Dekan kepada jawatan tetap maka secara automatik beliau dilantik ke jawatan Dekan pada tarikh tersebut (Fail Peribadi). Berikutnya pada 16 Julai 1978 beliau dilantik sebagai Naib Pengetua. Setelah dua tahun memegang jawatan ini, pada 15 Januari 1980 beliau dilantik sebagai Pengetua berikutan kematian Ustaz Mohd Ali bin Haji Harun.

Apabila YPTIK bergabung dengan Universiti Malaya dan bertukar nama menjadi Akademi Islam Universiti Malaya, beliau dilantik sebagai Penyelaras Kampus Cawangan Nilam Puri pada 4 Jun 1981 hingga 1982 dan kemudiannya sebagai Dekan Fakulti Usuluddin bagi kali kedua mulai 1 April 1985 hingga 31 Mac 1986. Pada waktu itu juga beliau dilantik sebagai Pemangku Ketua AIUM mulai 21 Mac 1985 hingga 2 April 1985 kerana menggantikan Ustaz Hashim Yahya yang pergi mengerjakan ibadat Umrah (Fail peribadi).

Jawatan terakhirnya di AIUM ialah sebagai Dekan Fakulti Syariah. Perlantikan sebagai Dekan Fakulti Syariah ini bermula pada sesi 1987/88. Beliau kemudiannya menamatkan perkhidmatan dengan AIUM untuk berkhidmat sebagai Mufti Kelantan yang ke-10 pada 1 Disember 1988 menggantikan Dato' Haji Ismail bin Haji Yusuf yang telah meninggal dunia pada 9 Julai 1988. Selain daripada memegang jawatan penting beliau juga terlibat dengan beberapa jawatankuasa di YPTIK. Antaranya ialah ahli Jawatan Lembaga Pengajian dan merangkap Pengurus Lembaga Pengajian serta ahli jawatankuasa sambutan 10 tahun YPTIK (Buku Cenderamata Sambutan 10 Tahun YPTIK, 1977: 33-63).

## KESIMPULAN

Sejarah hidup seorang tokoh agama dan ilmuwan Islam yang banyak berbakti terutama dalam meningkatkan mutu pendidikan tinggi Islam di Kelantan kekal sebatи dalam hati dan sebutan rakyat Kelantan. Beliau telah menghabiskan usianya untuk

Islam sejak dari awal pengajiannya sehingga ke akhir hayat demi pembangunan dan perkembangan Islam di Kelantan. Kini anak-anak didik beliau semasa di Maahad Muhammadi dan di YPTIK telah menyambung risalah perjuangannya dalam bentuk dan rupa yang tersendiri di seluruh pelusuk tanah air.

Sebagai anak jati Kelantan, sumbangan beliau begitu besar sekali terutamanya kepada negeri Kelantan khususnya dalam bidang pendidikan tinggi Islam yang diabadikan semasa di YPTIK dan juga pentadbiran dan undang-undang Islam di Kelantan. Ketokohan yang ditunjukkan oleh beliau di dalam usaha merintis pendidikan tinggi Islam telah membuka ruang kepada generasi baru untuk meneruskan usaha murni ini. Walaupun kini YPTIK sudah bertukar nama kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya namun jasa dan obor perjuangan generasi perintis dalam menubuhkannya masih segar menyulami semangat perjuangan warga APIUM.

#### RUJUKAN

- Abdul Razak Mahmood (1989), “Berkenalan Dengan Dato’ Mufti Kerajaan Negeri Kelantan”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil 498.
- Abdul Razak Mahmood (1997), “Ulama Dan Guru-Guru Agama Kelantan Yang Meniggal Dunia 1990/1991”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, bil. 547, 1997.
- Alias Haji Mohd Noor (2000), *Tokoh-Tokoh Ulamak Kelantan Darul Naim*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Aziz Mat Zain (2003), *Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan Nilam: Suatu Kajian Terhadap Tokoh-Tokoh Akademik Perintis*, Disertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Biodata Dato’ Mohammad bin Che Wook Mufti Besar Negeri Kalantan Darul Naim, *Majalah Dakwah*, bil 152, November (1989).
- Buku Cenderamata Sambutan 10 tahun YPTIK (1977).
- Fail Peribadi beliau di YPTIK, Nilam Puri, Kelantan.
- Ismail Che Daud (1994), “Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan”, *Warisan Kelantan*, Bil XIII, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Utusan Zaman*, 23 Februari 1964, “Suara Pelajar Kita”.
- Mohd Yunan bin Mahmood (1997), *Sejarah Maahad Muhammadi 1937-1997*, Kota Bharu: Zulrahim SDN. BHD.
- Mohd Yunan bin Mahmood (2000), *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan Dari Tahun 1979-2000*, Kota Bharu: Yayasan Islam Kelantan.
- Temuramah dengan Prof. Madya Abdul Kadir Haji Mohammad di KIAS pada 27hb. Oktober 2002.
- Temuramah dengan Ustaz Mohd Yunan Bin Mahmood dirumahnya di Kota Bharu, pada 10hb. Jun 2002
- Temuramah dengan Ustaz Muhamad bin Haji Abdul Rahman di APIUM, Nilam Puri pada 5hb. Oktober 2002.